



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 23 NOVEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	1,262 PENTERNAK IKAN PERLU SEDIA DEPANI MTL, LOKAL, HM-19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PENTERNAK IKAN SIAP SEDIA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT, NASIONAL, BH -19	
3.	PEMBORONG MYDIN DITAWARKAN PEMBIAYAAN AGROBANK RM500,000, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
4.	PENGGUNA MENGELUH TELUR AYAM TAK CUKUP, NASIONAL, BH -19	LAIN-LAIN
5.	KRISIS TELUR, PENIAGA MAKIN TERTEKAN, NEGARA, KOSMO -16	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUMAH	MUKA SURAT
23/11/2022	HARIAN METRO	LOKAL	19

# 1,262 penternak ikan perlu sedia depan MTL

**Kuantan:** Jabatan Perikanan Pahang mengingatkan kepada 1,262 penternak ikan sangkar di negeri ini supaya bersedia lebih awal menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) bagi mengelak berlaku kerugian.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, rekod pihaknya mendapati terdapat lebih 13,025 unit sangkar petak ikan air tawar sepanjang Sungai Pahang dan beberapa sungai utama lain.

Menurutnya, terdapat sebanyak 341 unit petak sangkar ikan air payau di daerah

ini dan Rompin membabitkan seramai 14 penternak.

Katanya, setiap kali tiba MTL pihaknya akan mengeluarkan peringatan kepada semua penternak ikan sangkar supaya mengambil tindakan bagi mengelak berlaku kerugian sekiranya banjir melanda negeri ini.

“Langkah pertama perlu dilakukan penternak ialah dengan memastikan ikatan sangkar berada dalam keadaan kuat dan kukuh supaya tidak mudah dihanyut arus deras air sungai. Guna tali bersaiz besar selain kabel besi,” katanya.

## Penternak ikan siap sedia hadapi Monsun Timur Laut

**Kuantan:** Jabatan Perikanan Pahang mengingatkan kepada 1,262 penternak ikan sangkar di negeri ini supaya bersedia lebih awal menghadapi Monsun Timur Laut bagi mengelak kerugian.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar, berkata rekod pihaknya mendapati terdapat lebih 13,026 unit sangkar petak ikan air tawar sepanjang Sungai Pahang dan beberapa sungai utama lain.

Bellau berkata, terdapat 341 unit petak sangkar ikan air payau di daerah ini dan Rompin membabitkan 14 penternak.

Katanya, setiap kali tiba Monsun Timur Laut, pihaknya akan mengeluarkan peringatan kepada semua penternak ikan sangkar supaya mengambil tindakan bagi mengelak kerugian sekiranya banjir melanda negeri ini.

"Langkah pertama perlu dilakukan penternak ialah dengan memastikan ikatan sangkar berada dalam keadaan kuat dan kukuh supaya tidak mudah di hanyut arus deras air sungai. Guna tali bersaiz besar selain



Penternak ikan sangkar di Kampung Langgar, Pahang mengikat sangkar bagi menghadapi Monsun Timur Laut. (Foto Rafi Mamat/BH)

kabel besi.

"Ikan yang mencapai saiz sesuai untuk dijual perlu segera dipasarkan dan menangguhkan kemasukan benih baharu kerana anak ikan boleh mati apabila banjir," katanya, di

sini kelmarin.

### Sentiasa pantau sangkar

Bellau berkata, penternak perlu sentiasa memantau sangkar mereka apabila paras air sungai meningkat dan ketika banjir ber-

laku, awasi balak dan timbunan kayu yang hanyut supaya tidak melanggar sangkar.

Abdullah berkata, jabatan perikanan tidak ingin melihat sebarang kali Monsun Timur Laut melanda negeri ini penternak ikan

menanggung kerugian apabila sangkar mereka musnah selain ikan mati dan terlepas apabila sangkar pecah.

Katanya, penternak juga perlu sentiasa peka dengan ramalan cuaca dan perubahan paras air sungai supaya tindakan awal dapat dilakukan sekiranya banjir berlaku hingga menyebabkan paras air sungai meningkat dan berlaku arus deras.

Bellau berkata, jabatan perikanan juga mengingatkan kepada penternak supaya sentiasa mementingkan keselamatan sepanjang berada di sangkar dan menaiki bot.

"Tahun lalu pengeluaran ikan daripada subsektor akuakultur di Pahang merekodkan sebanyak 16,774 tan bernilai kira-kira RM268 juta menjadikan negeri ini pengeluar tertinggi di Pantai Timur.

"Justeru kita berharap kedudukan berkenaan dapat terus kekal dan ancaman utama sektor perikanan darat dan laut ialah Monsun Timur Laut," katanya yang sentiasa berusaha menambah pengeluaran ikan di negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/11/2022	KOSMO	NIAGA	38



TENGGU AHMAD BADLI SHAH (tengah) bersama Ameer Ali (dua dari kanan) pada majlis pelancaran kerjasama di Kota Bharu baru-baru ini.

## Pemborong Mydin ditawarkan pembiayaan Agrobank RM500,000

**PETALING JAYA** – Agrobank menandatangani perjanjian kerjasama strategik bersama Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) Kelantan baru-baru ini, bagi menawarkan kemudahan pembiayaan modal kerja antara RM50,000 dan RM500,000 buat pemborong Mydin Kelantan.

Menerusi kerjasama berkenaan, pemborong Mydin ditawarkan pembiayaan pusingan untuk tempoh sehingga setahun pada kadar keuntungan kompetitif.

Satu sesi taklimat berkaitan kemudahan itu turut dijalankan kepada lebih 100 pemborong Mydin Kelantan bagi memastikan ia dapat membantu mening-

katkan perniagaan dan sosio ekonomi usahawan di sekitar Kelantan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Datuk Ahmad Badli Shah Raja Husin berkata, penyediaan kemudahan pembiayaan pusingan jangka pendek patuh syariah dan perkhidmatan perbankan kepada pembekal di Mydin Kelantan mampu membantu perkembangan sektor pertanian serta agro makanan di negeri tersebut.

“Usaha strategik ini merupakan platform bagi memacu kejayaan agropreneur serta merealisasikan matlamat Agrobank untuk pembangunan pertanian yang kukuh, progresif dan efisien

demikian kesejahteraan komuniti pertanian, kestabilan ekonomi serta keutuhan sekuriti makanan negara dalam jangka masa panjang,” katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, kebanyakan usahawan amat tertekan ekoran masalah aliran kewangan akibat kenaikan harga komoditi dalam fasa pemulihan ekonomi.

“Proses pembiayaan yang tidak melibatkan karenah birokrasi dan prosedur rumit ini bakal memberi kemudahan kepada usahawan dalam memastikan daya tahan kewangan perniagaan mereka,” tambahnya.

# Pengguna mengeluh telur ayam tak cukup

**Peniaga dakwa penghantaran berkurangan sejak dua bulan lalu**

Oleh Ainal Marhaton  
Abd Ghani  
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Kesukaran mendapatkan bekalan telur ayam di pasar raya dan kedai runcit sekitar bandar ini sejak dua bulan lalu, terus meresahkan pengguna.

Mereka mengeluh bekalan telur ayam selalu kehabisan kerana peniaga mendakwa bekalan yang dihantar tidak mencukupi.

Tinjauan di beberapa premis perniagaan mendapati bekalan

telur ayam semakin berkurangan, malah ada kedai yang terputus langsung bekalan.

Peniaga kuih, Wan Zurina Wan Ali, 39, berkata sudah hampir dua bulan dia berdepan kesukaran mendapatkan bekalan telur ayam.

"Kebiasaannya saya membeli telur di pasar raya kerana harganya lebih rendah berbanding kedai runcit, tetapi sekarang saya 'kejar' mana yang ada sahaja.

"Harga masih macam biasa, tetapi sekarang susah nak dapat bekalan dan saya selalu gunakan telur gred A untuk penuhi tempahan kuih sekaya telur, serimuka, kuih bakar dan kek.

"Saya berharap pihak tertentu mengambil tindakan sewajarnya supaya bekalan telur ayam kembali pulih," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.



Bekalan telur ayam habis di pasar raya dan kedai runcit sekitar Kuantan.

(Foto Ainal Marhaton Abd Ghani/BH)

## Cari di pasar raya

Peniaga nasi lemak, Siti Nur Alawiah Termizi, 31, berkata dia terpaksa mencari di beberapa pasar raya untuk mendapatkan bekalan telur ayam bagi memenuhi tempahan nasi lemak dan kuih-muih.

"Keadaan semakin mendesak kerana pasar raya hadkan dua sarang setiap pelanggan dan ada ketika saya terpaksa beli yang 10 biji sebekas.

"Selain telur, harga santan segar juga semakin mahal iaitu RM17 sekilogram (kg) untuk santan pekat berbanding RM14 sebelum ini dan RM7 (RM6) untuk

santan biasa," katanya yang menetap di Taman Balok Sejahtera.

Suri rumah, Norhazlina Abdullah, 43, berkata dia berdepan kesukaran mendapatkan bekalan telur sejak dua bulan lalu.

"Harga telur di pasar raya lebih murah tetapi susah nak dapat dan pembeliannya terhad. Di kedai runcit, harganya lebih mahal.

"Buat masa ini, memang susah nak dapatkan bekalan. Kalau ke pasar raya, jika sebelah pagi masih ada, tetapi menjelang petang, rak telur sudah kosong, terpaksa membeli di kedai runcit," katanya yang menetap di Cengal Lempang, di sini.

**“Kebiasaannya saya membeli telur di pasar raya kerana harganya lebih rendah berbanding kedai runcit, tetapi sekarang saya ‘kejar’ mana yang ada sahaja”**

Wan Zurina  
Wan Ali,  
Pentaga kuih





Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam **RM7.99**
- Daging Lembu Tempatan **RM38**
- Daging Lembu Import **RM50.90**

- Telur Gred A **RM13.50**
- Ikan Kembung **RM14**
- Minyak Masak **RM6.39**



ISU kekurangan telur ayam semakin meruncing selepas peniaga kecil makanan makin sukar untuk mendapat bekalan bahan itu di George Town semalam. - GAMBAR HIASAN

# Krisis telur, peniaga makin tertekan

Oleh NOOR HASLIZA NUS

**GEORGE TOWN** - Rata-rata peniaga kecil makanan termasuk penjaja tepi jalan di negeri ini semakin terdesak untuk mendapatkan bekalan telur ayam, selain terpaksa berdepan kenaikan mendadak bagi kesemua gred barangan asas itu.

Keadaan itu dikatakan berlaku sejak awal bulan ini dan menjadi semakin 'tenat' akhir-akhir ini.

Seorang peniaga gerai makanan tepi jalan, Mohd. Zahir Abd. Manan berkata, dia buntu memikirkan bekalan telur yang semakin berkurangan di pasaran, selain membelinya pada harga tinggi.

Katanya, masalah itu semakin berlarutan sehingga ke minggu ini apabila syarikat pemborong

mula menghadkan hanya sepapan telur iaitu 30 biji untuk setiap keluarga.

"Ini (had jumlah telur) juga kepada peniaga-peniaga kecil seperti kami. Hari ini (semalam) 'jenuh' cari bekalan telur untuk jualan nasi lemak di kedai.

"Rak telur di kedai pemborong dilihat kosong, manakala di pasar awam pula hanya ada kira-kira tujuh papan sahaja.

"Itupun gred D, manakala bagi gred A dan B pula memang tak nampak dipamerkan di atas meja," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ujarnya, kenaikan harga bekalan protein termurah itu juga menyebabkan golongan peniaga kini terus tersepit untuk mendapatkan bekalan meskipun dipasarkan RM20 sepapan.

"Harga telur ayam bagi gred C kini dijual sehingga RM17 sepapan, berbanding sebelum ini hanya RM12.90. Kami terpaksa beli, jika tiada telur tak lengkaplah hidangan nasi lemak," ujarnya.

Seorang lagi peniaga nasi lemak di Teluk Kumbar, dekat sini Norita Ismail, 55, pula memberitahu, dia tiada pilihan dan terpaksa memilih telur ayam omega yang kini dibeli pada harga RM17 di kedai runcit.

"Kami tiada pilihan dan terpaksa beli telur mahal. Jika tidak, nasi lemak dijual tanpa telur.

"Bayangkan, untuk telur ayam gred B, harganya kini dijual RM14.70 hingga RM19 sepapan. Harganya (telur gred B) kini sudah menyamai harga telur ayam kampung, RM19 sepapan," katanya.